

MESTI ADA “KERANA”



Sebut sahaja tahun baharu, gegandang telinga kita selalu menangkap persoalan mengenai cita-cita atau target yang ingin dicapai.

Pastinya target-target baharu dan kita sendiri juga mahukan perkembangan yang lebih baik.

Rasulullah berpesan: “Sesungguhnya setiap perbuatan itu bergantung pada niatnya. Setiap orang akan dibalas berdasarkan apa-apa yang diniatkan. Sesiapa yang berhijrah kerana ingin mendapat keredaan Allah dan rasul-Nya, maka hijrahnya kerana keredaan Allah dan rasul-Nya.

Sesiapa yang berhijrah kerana dunia yang dikehendakinya atau wanita yang ingin dikehendakinya, maka hijrahnya sebagaimana yang diniatkan.” (Riwayat al-Bukhari)

Ini bukan hadis tahun baru yang selalunya disebut dalam ceramah-ceramah awal tahun. Sebaliknya mesej hadis ini perlu selalu disematkan dalam diri Muslim tidak kira masa. Niat ibarat pasak yang mengikat diri daripada bebas bahkan terbabas.

Rukun Pertama Kejayaan

Bukankah niat menjadi rukun pertama solat, tanggungjawab yang perlu dibuktikan oleh pencinta Tuhan? Dan... sedar atau tidak, setiap ibadah yang Dia wajibkan dikuasai dengan niat! Ketika mendirikan solat, niat yang dihadirkan seolah-olah menjadi perjanjian seorang hamba dengan Tuhannya.

Ya, ia menyekat kita daripada

melakukan perkara yang boleh membatalkan solat. Bahkan perkara yang halal dilakukan di luar solat juga tidak boleh dilakukan. Kenapa? Sebab mesti ada pantang larang atau peraturan yang perlu dipatuhi apabila mahukan sesuatu.

Adakalanya, kita hilang kekhusyukan ketika solat. Pelbagai perkara duniawi menerjah fikiran sekali gus mencatatkan projek besar yang sedang dilakukan (solat). Usai solat, bibir lantas beristigfar. Kita tahu telah berbuat kelalaian meski yang sudah dibuat itu kebaikan. Namun, meski gagal untuk khushyuk, ia bukan alasan untuk tidak melakukannya. Bahkan rukun Islam kedua ini tetap terus didirikan setiap hari. Niat melatih kita punya misi dan visi baharu untuk terus memperbaiki kualiti solat.

Nah, begitulah niat dan target baharu yang mahu dicapai. Tidak selamanya langkah mencapai



Doa:

Mohon Capai Target

رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا

Maksud: "Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami rahmat daripada sisi-Mu dan berilah pimpinan kepada kami dalam urusan kami." (*Surah al-Kahfi* 18: 10)

Target:

Kuasai diri dengan kuasa niat

kejayaan itu mudah dan lurus. Akan ada masanya kita tersasar dan terbabas di lorong yang salah. Mohonlah petunjuk Dia dan kembali bangun teruskan dan perbaiki perjalanan. Pengulangan bukan tanda kelemahan. Begitulah tarbiah solat dan niat. Jangan pernah rasa tidak ada peluang untuk melakukan sesuatu perkara dengan lebih baik.

Kuasa Niat

Segala sesuatu mesti ada tujuan. Mesti ada "kerana." Allah sendiri mengajar hamba-Nya apabila melakukan sesuatu, perlu tahu tujuan malah mesti membinanya: "Dan janganlah kamu membelanjakan sesuatu melainkan kerana mencari keredaan Allah." (*Surah al-Baqarah* :272)

Lihat contoh ayat di atas. Apa-apa yang dilakukan wajib ada "kerana"! Begitu juga niat.

Tanyakan apa tujuan niat sebenarnya kerana ia membantu menjemput dan memelihara fokus. Bahkan kita ternyata lebih kuat dan bertahan dengan kuasa niat.

Malah perbuatan yang berkualiti bermula dengan dengan niat yang berkualiti. Ramai yang rugi kerana tidak bijak memanfaatkan amalan niat. Padahal dalam Islam, niat yang baik sudah dicatatkan kebaikan! Kesungguhan niat diukur melalui tindakan yang dilakukan selepas itu, kerana itu niat perlu ada dan hidup. Niat sudah menjadi tindakan pertama.

Buat sahabat VIP sekalian, selalu berpesan kepada diri. Hidup merupakan seni dalam merancang sesuatu, namun perancangan itu tidak terlepas daripada kehendak Allah. Supaya hidup ada target dan penuh dengan catatan indah, kuasailah diri dengan kuasa niat!

Teori Kejayaan melalui Solat

Masya-Allah, dalam solat sudah ada teori kejayaan. Tetapi malang kerana kita sekadar memandang dan memahaminya sebagai kewajipan agama. Roh di sebalik pelaksanaan itu tidak pernah kita amati sungguh-sungguh!

Apa teori kejayaan melalui analogi solat?

- 1 Berniat.** Kuasa membina dan mengawal fokus.
- 2 Bertindak.** Bukan hanya hati yang mahu berjaya tetapi kuasai kuasa niat dengan tindakan (rukun *fi'li*) dan percakapan yang positif (rukun *qauli*).
- 3 Merancang.** Jika mahu merebut pahala solat sunat *qabliyah* contohnya, syaratnya perlu berada lebih awal di masjid atau surau supaya tidak terlepas juga pahala berjemaah solat fardu.
- 4 Mengulang.** Pengulangan merupakan latihan kepada kejayaan. Bacaan dalam solat yang diulang-ulang ternyata mudah dipraktikkan.
- 5 Penyerahan dan pergantungan.** Doa dan istighfar menjadi sebatian setiap kali kita memulakan dan mengakhiri projek besar amanah Allah ini. Dalam setiap usaha, kita sentiasa memerlukan Dia.